

**DIMENSI PENDORONG PERPADUAN MASYARAKAT MALAYSIA**

**LAPORAN KAJIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**KUMPULAN PENYELIDIK  
INSTITUT PENGAJIAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### 1.0 Tujuan Kajian

- 1.1 Secara umumnya, kajian ini menentukan dimensi pendorong perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
- 1.2 Secara khususnya, kajian ini: i) Mengukur persepsi masyarakat berbilang kaum terhadap dimensi pendorong perpaduan terpilih; ii) Mencadangkan dimensi pendorong yang signifikan ke arah perpaduan nasional yang boleh dijadikan amalan dalam masyarakat berbilang kaum; iii) Membentuk model pendorong positif (*positive drivers*) dan pendorong negatif (*negative drivers*) untuk perpaduan mengikut populasi dan kumpulan etnik di Malaysia; dan iv) Mencadangkan strategi intervensi efektif bagi mengukuhkan perpaduan masyarakat Malaysia.

### 2.0 Metodologi Kajian

- 2.1 Reka bentuk kajian bermula dengan aktiviti pengukuhan literatur oleh pengkaji bagi memahami definisi pendorong perpaduan selain meneliti kepentingan perlaksanaannya dalam masyarakat pelbagai kaum.
- 2.2 Selanjutnya, dimensi pendorong perpaduan dikenal pasti melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) di antara penyelidik dengan beberapa kategori generasi kelahiran terpilih dalam masyarakat. Mengikut McQueen (2010), generasi-generasi ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu *Builders* (1900 - pertengahan 1940), *Baby Boomers* (pertengahan 1940 - 1960), Gen X (pertengahan 1960 - awal 1980), Gen Y (awal 1980 - lewat 1990) dan Generasi Digital (lewat 1990 - kini).
- 2.3 Dimensi pendorong perpaduan yang ditentukan kemudiannya dibincangkan secara mendalam bagi tujuan penghasilan angkubah-angkubah yang mengukur setiap dimensi.

- 2.4 Data kuantitatif dikumpul menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Jumlah sampel yang terlibat adalah seramai 600 orang. Responden terdiri dari dua kategori kumpulan masyarakat pelbagai kaum iaitu pelajar sekolah menengah dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang tinggal di sekitar kawasan Lembah Kelang.
- 2.5 *Exploratory Data Analysis* (EDA) dijalankan bagi memastikan data yang diinput bersesuaian dengan ujian parametrik yang digunakan selain daripada menyingkirkan nilai data yang dianggap sebagai ekstrem. Data dianalisis secara deskriptif khususnya menggunakan skor purata sampel. Daripada skor tersebut, tahap persepsi responden dikategorikan kepada rendah (1.00 - 2.33), sederhana (2.34 - 3.66) dan tinggi (3.67- 5.00).
- 2.6 Teknik penganalisan Regresi Berganda (*Multiple Linear Regression*) turut dilakukan pengkaji bagi membentuk model pendorong perpaduan. Model pendorong perpaduan seterusnya diuji menggunakan Perisian AMOS versi 5 bagi membolehkan pengkaji menggunakan satu kaedah yang sesuai menilai validiti konstruk (*construct validity*) selain menentukan '*goodness of fit*' model pendorong perpaduan yang diperkenalkan.

### **3.0 Kesimpulan dan Implikasi**

- 3.1 Masyarakat Malaysia menerima dimensi keadilan polisi, hak sebagai warganegara, keadilan sosial, konstruk sosial, semangat patriotik, potensi penerimaan, amalan perpaduan dan persekitaran sosial sebagai dimensi pendorong perpaduan yang perlu diketengahkan dalam masyarakat.
- 3.2 Apa juga elemen perpaduan yang menyentuh soal keadilan polisi, hak sebagai warganegara, keadilan sosial, konstruk sosial, semangat patriotik, potensi penerimaan, amalan perpaduan dan persekitaran sosial perlu diberikan penekanan oleh semua pihak dalam masyarakat berbilang kaum supaya kelestarian perpaduan kaum di Malaysia terjamin.
- 3.3 Masyarakat Malaysia mengakui bahawa dimensi prejudis/stereotaip merupakan elemen yang boleh membawa perpecahan dalam masyarakat berbilang kaum jika

ia dipraktikkan secara berlebihan. Namun, pada masa yang sama, elemen ini masih membelenggu pemikiran dan perlakuan masyarakat berbilang kaum di Malaysia dalam aspek-aspek tertentu.

- 3.4 Negara mungkin berhadapan dengan suasana ketidakharmonian dalam masyarakat berbilang kaum jika sekiranya elemen prejudis/stereotaip masih diamalkan secara berlebihan dalam masyarakat berbilang kaum.
- 3.5 Walaupun persepsi penerimaan kesesuaian terhadap dimensi keadilan polisi tidak menunjukkan tahap yang tinggi, namun etnik Cina, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta etnik-etnik lain di Malaysia masih menerima dimensi ini sebagai pendorong perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum.
- 3.6 Terdapat aspek-aspek tertentu yang menyentuh persoalan keadilan polisi dilihat masih belum menjangkau persepsi penerimaan di tahap tinggi dalam kalangan etnik Cina, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta etnik-etnik lain di Malaysia yang memerlukan penelitian semula oleh semua pihak yang bertanggungjawab.
- 3.7 Semua etnik di Malaysia kecuali etnik Melayu secara majoriti memberi respon kesesuaian di tahap sederhana ke atas dimensi hak sebagai warganegara. Semakan berterusan dari masa ke semasa serta penghebahan maklumat secara efektif dalam masyarakat berbilang kaum berkenaan dimensi ini perlu dilakukan oleh kerajaan dan semua pihak yang bertanggungjawab.
- 3.8 Tiada penerimaan di tahap rendah bagi dimensi hak sebagai warganegara dalam kalangan semua etnik di Malaysia. Ini bermakna, dimensi ini mempunyai potensi kesesuaian sebagai pendorong perpaduan yang tinggi bagi etnik di Malaysia.
- 3.9 Majoriti responden dari etnik Cina, India dan Bumiputera Sabah menunjukkan penerimaan dimensi keadilan sosial di tahap rendah dan sederhana berbanding etnik Melayu, Bumiputera Sarawak dan lain-lain etnik yang majoritinya menerima kesesuaian dimensi ini pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan masih terdapat sesetengah etnik yang masih merasakan bahawa mereka bukan gabungan pelbagai etnik yang secara bersama membentuk satu masyarakat Malaysia.
- 3.10 Persepsi penerimaan kesesuaian di tahap tinggi terhadap dimensi konstruk sosial hanya ditunjukkan dalam kalangan lain-lain etnik di Malaysia (tidak termasuk Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak). Berkemungkinan terdapat

elemen-elemen pengukuran lain pada dimensi ini yang perlu dilihat semula supaya jangkauan persepsi penerimaan etnik Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak berada pada tahap yang tinggi.

- 3.11 Penerimaan dimensi semangat patriotik di tahap tinggi menunjukkan peratusan penerimaan yang kecil dalam kalangan etnik Cina. Walaupun setiap angkubah dimensi dilihat merupakan sesuatu yang amat positif untuk dijadikan sebagai pendorong perpaduan dalam masyarakat, namun dimensi ini masih belum mengikat kesesuaian dalam kalangan etnik ini.
- 3.12 Penerimaan kesesuaian di tahap rendah terhadap dimensi potensi penerimaan begitu ketara ditunjukkan dalam kalangan responden etnik India dan lain-lain etnik (tidak termasuk Melayu, Cina, Bumiputera Sabah dan Sarawak). Walaupun tidak begitu kritikal, namun elemen sensitiviti terhadap agama dan budaya dalam kalangan masyarakat berbilang kaum merupakan sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak.
- 3.13 Majoriti responden mengakui bahawa perasaan sangka buruk merupakan faktor penghalang kepada aspek potensi penerimaan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
- 3.14 Majoriti responden berdasarkan etnik menunjukkan penerimaan di tahap sederhana dan rendah terhadap dimensi prejudis/stereotaip. Penerimaan di tahap rendah dan sederhana dalam kalangan etnik terhadap angkubah dimensi ini menggambarkan kematangan responden terhadap ketidaksesuaian penzahiran dimensi ini dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.
- 3.15 Aspek sensitiviti agama dan budaya memberi impak perbezaan pola penerimaan etnik terhadap dimensi amalan perpaduan. Angkubah dimensi yang dibangunkan pengkaji masih belum menjangkau penerimaan kesesuaian di tahap tinggi sebagai pendorong perpaduan masyarakat khususnya bagi etnik Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak.
- 3.16 Kesesuaian dimensi persekitaran sosial sebagai dimensi pendorong perpaduan memerlukan kewujudan perasaan saling memahami dalam anggota masyarakat berbilang kaum. Ini kerana terdapat perbezaan pola penerimaan kesesuaian yang ketara ke atas elemen-elemen tertentu dalam dimensi ini.

- 3.17 Terdapat perbezaan yang signifikan berkenaan penerimaan kesesuaian terhadap dimensi keadilan polisi, hak sebagai warganegara, keadilan sosial, semangat patriotik, potensi penerimaan, amalan perpaduan dan persekitaran sosial di antara dua kumpulan etnik di mana etnik Bumiputera menunjukkan penerimaan kesesuaian yang lebih tinggi berbanding etnik bukan Bumiputera.
- 3.18 Analisis perbandingan tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi penerimaan kesesuaian di antara etnik Bumiputera dan bukan Bumiputera terhadap dimensi konstruk sosial dan dimensi prejudis/stereotaip.
- 3.19 Dapatan analisis menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan di antara beberapa dimensi pendorong perpaduan dalam mempengaruhi amalan perpaduan responden. Ini bermaksud, terdapat dimensi peramal yang tidak mempengaruhi amalan perpaduan secara langsung, tetapi mempunyai hubungan yang kuat dengan peramal amalan perpaduan lain seperti hak sebagai warganegara, potensi penerimaan, konstruk sosial dan sebagainya.

#### **4.0 Cadangan Kajian**

- 4.1 Tindakan *affirmative* tanpa prejudis adalah perlu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia terhadap perancangan polisi oleh pihak pemerintah dalam bidang sosioekonomi. Ketidakseimbangan ekonomi memerlukan polisi yang adil di mana sesetengah kumpulan dalam masyarakat perlu dibantu. Pada masa yang sama, seharusnya tiada perasaan iri hati dalam kalangan kumpulan masyarakat yang lain berkenaan perkara ini. Pemimpin politik, pemimpin masyarakat serta pengamal media turut berperanan membantu ke arah mewujudkan suasana harmoni ini.
- 4.2 Pengukuhan dimensi konstruk sosial ke arah meningkatkan tahap perpaduan kaum di Malaysia memerlukan proses yang berterusan di peringkat pemegang taruh yang berkepentingan supaya setiap warganegara memahami betapa kepentingan mendahulukan keutuhan negara jauh lebih utama berbanding mendahulukan kepentingan etnik.

- 4.3 Penilaian keberkesanan perlu dilakukan oleh semua pihak ke atas kempen-kempen perpaduan yang telah dilakukan supaya pemupukan semangat cintakan negara dapat disemai secara berkesan dalam kalangan warganegara Malaysia.
- 4.4 Elemen sensitiviti dalam kalangan masyarakat berbilang kaum merupakan sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak supaya persekitaran sosial yang sihat dapat dibentuk ke arah meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi nasional.
- 4.5 Program jati diri ke arah meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi nasional perlu dirangka berdasarkan faktor demografi kumpulan sasaran dalam masyarakat Malaysia.
- 4.6 Usaha meningkatkan tahap perpaduan dan integrasi nasional perlu dikoordinasi secara sistematik antara semua pihak. Meletakkan tanggungjawab ini sepenuhnya ke atas Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional adalah satu kefahaman yang salah.
- 4.7 Program perpaduan dan integrasi nasional yang dijalankan seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) perlu dinilai dari masa ke semasa supaya peningkatan tahap patriotisme dalam diri kumpulan sasaran berlaku secara sukarela, rasional dan berhikmah, bukannya berbentuk paksaan.
- 4.8 Isu-isu sensitif dalam masyarakat tidak harus dibincangkan secara emosional oleh semua pihak yang berkaitan. Platform yang sesuai seperti forum dan dialog perbincangan yang sistematik perlu diatur bagi mengekalkan keharmonian dalam masyarakat.
- 4.9 Kejayaan sesetengah etnik dalam bidang tertentu perlu dijadikan rangsangan kepada etnik yang lain. Pada masa yang sama, etnik yang terkebelakang dalam sesetengah bidang perlu dibantu oleh etnik yang terkehadapan dalam bidang tersebut supaya jurang sosial yang ketara dalam masyarakat dapat dikecilkan.
- 4.10 Modul perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia berasaskan hasil kajian yang empirikal dan sistematik perlu dibentuk sebagai bahan rujukan kepada setiap lapisan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.